

U/41

U B771 DEB
MAHATHIR - UMBC

TELOK INTAN, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PEMINDAHAN MILIK UMBC DARIPADA BUKAN BUMIPUTERA KEPADA BUMIPUTERA ADALAH HASIL USAHA MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN YANG KETIKA ITU HANYALAH SEORANG PENIAGA.

PERDANA MENTERI MENYOROT KEMBALI BAGAIMANA PERGERAKAN PEMUDA UMNO KETIKA ITU SECARA LANTANG MEMBANGKITKAN SOAL UMBC DIKUASAI OLEH MCA DAN MAHUKAN BANK ITU DILETAKKAN DALAM KUASA BUMIPUTERA.

ENCIK DAIM TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DENGAN SANGGUP MENUKARKAN SYER-SYERNYA DALAM MALAYSIAN-FRENCH BANK (KETIKA ITU BANQUE INDOSUEZ) DENGAN SAHAM-SAHAM MCA DALAM UMBC BAGI MENYAHUT SERUAN PEMUDA UMNO ITU.

SELAIN ENCIK DAIM, PERNAS JUGA MEMEGANG SAHAM DALAM UMBC, KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PASIR SALAK DI SINI.

KATANYA BELIAU TELAH MENGARAHKAN SEMUA MENTERI KABINET JANGAN MEMEGANG SAHAM DENGAN BANYAK UNTUK MENGELAKKAN TIMBULNYA SEBARANG PERCANGGAHAN KEPENTINGAN. -- LAGI.

1628MST 22 03 87

D742

U B772 DEB
MAHATHIR - UMBC 2 TELOK INTAN

BERIKUTAN ARAHAN ITU, KATANYA, ENCIK DAIM TELAH MENJUALKAN SAHAM-SAHAMNYA DALAM UMBC KEPADA PERNAS SEBAGAI RAKAN KONGSI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK PENJUALAN SAHAM ITU, HARGA SAHAM UMBC TELAH MENINGKAT BERIKUTAN DENGAN KEADAAN SAHAM YANG BERTAMBAH BAIK KESELURUHANNYA DI NEGARA INI.

PERNAS BOLEH MENJUAL SAHAM-SAHAM UMBC DALAM PEGANGANNYA SEKARANG DAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN YANG BESAR, JIKA IA HENDAK, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEGALA URUSNIAGA YANG DIJALANKAN DALAM UMBC ADA DALAM REKOD KERAJAAN DAN BUKTI-BUKTI MENUNJUKKAN DAKWAAN KONONNYA ENCIK DAIM MELESAPKAN WANG UMBC TIDAK BENAR.

MENGENAI SAHAM SIME DARBY YANG DIJUAL OLEH ENCIK DAIM, BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) ENGGAN MEMBELI, SAHAM-SAHAM ITU TELAH DIJUAL SECARA TERBUKA DAN TELAH DIBELI OLEH BUKAN BUMIPUTERA. -- LAGI.

1629MST 22 03 87

D743

U B773 DEB
MAHATHIR - UMBC 3 TELOK INTAN

AKIBATNYA KEDUDUKAN BUMIPUTERA DALAM SIME DARBY TELAH TERGUGAT DAN BUKAN BUMIPUTERA ENGGAN MENJUALKANNYA KERANA HARGANYA YANG TINGGI SEKARANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP ISU PEMBELIAN DAN PENJUALAN SAHAM-SAHAM UMBC DAN SIME DARBY TIDAK DIJADIKAN BAHAN FITNAH DAN TOHMAHAN DAN SESIAPA YANG INGIN MENDAPAT KETERANGAN SEBENARNYA BOLEH MENDAPATKAN DARIPADANYA.

MENGENAI KERETA NASIONAL PROTON SAGA, BELIAU KESAL DENGAN BEPERAPA PEMIMPIN KERAJAAN YANG PADA SATU MASA DAHULU MEMBERI SOKONGAN SEBULAT SUARA TETAPI KINI AMAT KRITIKAL SERTA MENYIFATKAN PROJEK ITU SEBAGAI MEWAH DAN MEMBAZIRKAN WANG KERAJAAN. -- BERNAMA.

1631MST 22 03 87